

PERATURAN PERMAINAN TENIS

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang - undang Permainan

1.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Tenis Antarabangsa (ITF) Undang-Undang dan Persatuan Lawn Tenis Malaysia (LTAM).

1.1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Individu iaitu :

- 2.1.1 Perseorangan Lelaki
- 2.1.2 Perseorangan Wanita
- 2.1.3 Bergu Lelaki
- 2.1.4 Bergu Wanita
- 2.1.5 Bergu Campuran

2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Setiap IPT dibenarkan mendaftar tidak lebih dari **dua (2) orang pemain** bagi setiap acara perseorangan lelaki dan wanita.

2.2.2 Setiap IPT dibenarkan mendaftar tidak lebih dari **dua (2) bergu (4 pemain)** bagi setiap acara bergu lelaki, wanita dan campuran.

2.2.3 Setiap pemain dibenarkan menyertai **satu (1)** kategori acara sahaja.

2.2.4 Bilangan pendaftaran pemain dan pegawai adalah seperti berikut :

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Individu	8	8	3	19

2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Pertandingan dijalankan secara kalah mati (*knock out*) mengikut Perkara 9 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.
- 2.3.2 Pusingan Awal dan suku akhir akan ditentukan dengan kiraan *pro set, first to reach 9 (8/8 tie break) 'different two'*.
- 2.3.3 Keputusan perlawanan separuh akhir dan akhir akan ditentukan dengan tiga set terbaik (*Best of 3 set*).
- 2.3.4 Sistem kiraan tambahan '*different two*' (*Tie Break System*) akan dijalankan apabila kiraan game' meningkat Enam (6) sama di dalam sesuatu set.
- 2.3.5 Pada peringkat awal sehingga suku akhir, pengadil yang disediakan adalah secara "*Rooming Empire*". Pada peringkat separuh akhir dan akhir "*Chair Empire*" akan disediakan.

2.4 Kelewatan dan Penangguhan

- 2.4.1 Rujuk Perkara 10 dan 11 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

3. PAKAIAN DAN PERALATAN

- 3.1 Rujuk Perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

3.2 Pakaian Pertandingan

- 3.2.1 Setiap pemain perlu memakai pakaian yang tertulis nama pasukan yang diwakili di bahagian belakang baju.
- 3.2.2 Bagi acara bergu, pemakaian baju pemain hendaklah sama darisegi warna dan corak.
- 3.2.3 Pakaian pemain tenis terdiri daripada seluar pendek atau seluar trek panjang, baju-T berkolar atau tanpa kolar, stoking dan kasut getah. Untuk pemain wanita pula, skirt atau seluar panjang. (**Warna sebaik-baiknya putih**) atau baju pasukan IPT masing-masing.

3.3 Peralatan Pertandingan

- 3.3.1 Pasukan perlu menyediakan sendiri keperluan peralatan lain yang difikirkan perlu bagi setiap perlawanan

4. HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Perseorangan Lelaki	1	1	1	1	1	1
Perseorangan Wanita	1	1	1	1	1	1
Bergu Lelaki	1	2	1	2	1	2
Bergu Wanita	1	2	1	2	1	2
Bergu Campuran	1	2	1	2	1	2
JUMLAH	5	8	5	8	5	8